



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	13/7/2019	MUKA SURAT	:	45
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Perhilitan rampas lang berjambul, landak raya

**JOHOR BAHRU 12 Julai** - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri menyelamatkan seekor burung lang berjambul dan landak ekor landak raya yang diper-caya akan dijual di pasaran tan-pa kebenaran.

Kedua-dua spesies terancam itu ditemukan selepas Perhilitan negeri menjalankan serbuan di sebuah kediaman di Kulai pada pukul 1 petang kelmarin.

Pengarahnya, Salman Saaban berkata, siasatan dibuat men-dapati individu berusia 55 ta-hun yang menetap di kediaman tersebut tidak mempunyai do-

kumen kelulusan terhadap hai-wan berkenaan.

"Burung lang berjambul yang ditemukan dianggarkan bernilai antara RM500 dan RM1,000, ini mengikut saiz dan jenis-nya sementara landak raya pula adalah spesies berlesan, boleh dibak dan dijual mengikut per-turan ditetapkan dan dianggarkan berharga antara RM3,500 dan RM5,000," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata, pihaknya juga mengambil kenyataan individu terlibat dan kes disiasat mengi-kut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).



SEEKOR burung lang berjambul dan beberapa landak raya dirampas di sebuah kediaman di Kulai, Johor, baru-baru ini.